

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 16.6.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan kedudukan sistem pendidikan Malaysia seperti yang dilaporkan di Program Penilaian Antarabangsa Pelajar Pisa dan Pengajian Antarabangsa Matematik dan Sains TIMSS. Apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 telah menggariskan dengan jelas usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara melalui lima (5) aspirasi sistem dan enam (6) aspirasi murid serta sebelas (11) anjakan untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Antara keberhasilan yang dijangka daripada pelaksanaan transformasi pendidikan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk meletakkan sistem pendidikan negara dalam kalangan satu pertiga teratas di peringkat dunia berdasarkan pentaksiran antarabangsa seperti **TIMSS dan PISA** menjelang 2025.

Pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan pencapaian murid melalui program kesedaran seperti memberi pendedahan kepada guru dan murid tentang pentaksiran TIMSS dan PISA dengan penekanan kepada kemahiran berfikir pada aras tinggi iaitu keperluan murid untuk memahami konsep Sains dan Matematik.

Dari aspek kurikulum pula, KPM telah memastikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diterapkan dan ditingkatkan melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) semua mata pelajaran terutamanya dalam bidang STEM. Keupayaan menaakul dan menyelesaikan masalah bukan rutin diberi tumpuan khusus bagi memastikan murid yang dilahirkan melalui sistem pendidikan ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk menghadapi cabaran abad ke 21.

Di samping itu pelbagai pendekatan dan inovasi dalam pendidikan diperkenalkan seperti pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan inkuiri agar murid dipupuk dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang diperlukan dalam abad ini.

RJM102